

CNS7119
R GB 10-04 00161 BH206
AAB

Mahathir - Kurdis

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Kabinet hari ini meluluskan bantuan kewangan berjumlah AS\$100,000 untuk membantu kaum Kurdis yang menjadi orang pelarian akibat keganasan dan pemberontakan di Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bantuan itu akan disampaikan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah untuk disalurkan kepada kaum itu.

+Jika perlu, kita akan beri bantuan lagi tetapi kita yakin negara-negara maju boleh memberi bantuan yang lebih banyak,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Hari Raya kepada anak-anak yatim Islam Wilayah Persekutuan dan majlis berbuka puasa di bangunan Tabung Haji di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan kesalnya kerana kaum Kurdis menjadi mangsa keganasan semata-mata kerana terpengaruh dengan galakan Amerika Syarikat supaya memberontak terhadap Presiden Saddam Hussein selepas tamatnya perang Teluk.

Kaum Kurdis kini menjadi mangsa kerana percaya Amerika Syarikat akan membantu mereka jika mereka memberontak tetapi kuasa besar itu tidak berbuat demikian, katanya. -- Lagi

♥10/04/22-27MST
CNS7120
R GB 10-04 00121 BH207
AAB

Mahathir - Kurdis 2 Kuala Lumpur

+Mereka bertindak (memberontak) tanpa menghiraukan nasib mereka dengan kepercayaan bahawa mereka akan mendapat bantuan Amerika Syarikat,+ kata Perdana Menteri.

+Secara langsung, Amerika telah galakkan mereka supaya memberontak. Malangnya selepas berlaku pemberontakan tidak ada bantuan diberi,+ tambahnya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah lebih baik negara-negara lain tidak campurtangan dalam urusan sesebuah negara, lebih-lebih lagi menggalakkan pemberontakan.

Beliau berkata, pada mulanya tentera Iraq tidak berani menggunakan senjata kimia dan pesawat tenteranya terhadap kaum Kurdis kerana amaran Amerika Syarikat dan setelah dua pesawatnya ditembak jatuh oleh pesawat udara Amerika.

Tetapi apabila tiada tindakan lanjut diambil, tentera Iraq telah meneruskan tindakannya menyerang kaum Kurdis, katanya. -- Lagi

♥10/04/22-36MST

CNS7123

R GB 10-04 00170 BH208

AAB

Mahathir - Kurdis 3 Kuala Lumpur

Menurutnya, Malaysia berasa sedih terhadap nasib yang menimpa kaum itu akibat tindakan kejam tentera Iraq tetapi kerajaan tidak akan membuat bantahan rasmi terhadap Iraq.

Beliau berpendapat sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia percaya bahawa sesebuah kerajaan perlu mendapat sokongan rakyat dan kerajaan tidak sepatutnya bertindak seumpama itu terhadap rakyat sendiri.

Mengenai status 80 rakyat Indonesia dari Aceh yang meminta perlindungan daripada Malaysia, Perdana Menteri berkata, setakat ini kerajaan belum dapat memastikan sama ada mereka benar-benar melarikan diri daripada keganasan di tempat asal mereka atau merupakan golongan pendatang haram.

Katanya, kerajaan perlu memastikan latar belakang mereka yang sebenarnya sebelum menentukan status mereka dan kerajaan sudah pun berhubung dengan kedutaan Indonesia di sini tetapi belum membuat sebarang keputusan.

Beliau juga menafikan kononnya Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan menemui beliau di pejabatnya semalam, sambil menambah kata secara berseloroh, +Saya juga sihat... manalah tahu, kot ada cerita saya menjalani satu lagi pembedahan pintasan jantung.+ -- Bernama

♥10/04/22-49MST